


**PELAN STRATEGIK  
PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
NEGERI SELANGOR  
2013-2020**



# SENARAI KANDUNGAN

## **PRA KATA**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

## **BAB 1 : PENDAHULUAN**

- Pengenalan
- Latar Belakang Jabatan
- Fungsi dan Peranan
- Carta Organisasi
- Punca Kuasa
- Pihak Berkepentingan dan Pelanggan

## **BAB 2: SENARIO PERSEKITARAN**

- Isu dan Cabaran JPBD Selangor

## **BAB 3 : HALA TUJU STRATEGIK**

- Visi
- Misi
- Motto
- Nilai-Nilai Teras
- Nilai-Nilai Bersama
- Teras Strategik
- Elemen Penentu Kejayaan
- Mekanisme Pelaksanaan
- The Way Forward

## **BAB 4 : PENUTUP**

# PRAKATA

## **Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang**

### **Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,**

Syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpahNya, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Selangor telah dapat menyediakan Pelan Strategik Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor 2013 - 2020 ini dengan jayanya. Pelan Strategik ini merupakan hasil semakan semula ke atas dokumen yang sebelum ini dikenali sebagai Rancangan Strategik JPBD 920 (RSJ 920) yang telah digubal bagi tempoh 2006-2015 dan juga merupakan perincian di peringkat Jabatan berdasarkan kepada Pelan Strategik Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 2012-2013 yang telah dilancarkan pada tahun 2012.

Pelan Strategik Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor 2013-2020 merupakan satu dokumen yang memandu kepada perancangan pengurusan dan pembangunan Jabatan di dalam tempoh tujuh tahun yang akan datang. Pelan Strategik yang dirangka bagi tempoh 2012-2020 ini juga dapat memberi arah tuju yang lebih jelas dalam merangka program JPBD Negeri Selangor agar menjurus kepada pencapaian visi, misi dan teras strategik yang telah ditetapkan. Ini disokong dengan pelan tindakan yang mengandungi strategi, program, petunjuk prestasi, sasaran pencapaian, *outcome* dan penetapan pihak pelaksana bagi memastikan perancangan Pelan Strategik dilaksanakan secara komprehensif dan holistik.

Saya berharap agar Pelan Strategik Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor 2013-2020 ini akan dijadikan panduan di dalam perancangan dan pembangunan Jabatan supaya dapat mencapai hasrat dan visi Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor sebagai *stakeholder* Jabatan ini.

### **HAJI MOHD ZAKI BIN IBRAHIM**

Pengarah,

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Perubahan persekitaran pembangunan yang pesat di peringkat global dan tempatan, cabaran-cabaran yang kompetitif serta pengenalan dasar-dasar baru oleh Kerajaan telah mendorong semua pihak di negara ini bergerak dengan pantas, proaktif dan responsif. Segala usaha dan sumber yang digembengkan perlu dilakukan dengan teliti dan berhati-hati terutamanya dalam merancang dan mencorak pembangunan negeri. Dalam konteks ini, JPBD Negeri Selangor perlu membuat perancangan serta program yang komprehensif dan dapat diukur keberkesannya agar dapat membantu memperbaiki kelemahan-kelemahan dan mengatasi masalah yang menjadi penghalang pencapaian visi dan misi yang ditetapkan. Ini juga penting agar JPBD Negeri Selangor berada di landasan yang kukuh ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan.

Pelan Strategik Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor 2013-2020 merupakan satu hala tuju ke arah mempertingkatkan dan memperkasakan perkhidmatan sebagai peneraju perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang terunggul, relevan dan signifikan dalam pembangunan negeri. Dalam menuju ke arah pusat kecemerlangan perancangan bandar dan desa, JPBD Negeri Selangor menghadapi pelbagai isu dan cabaran mendatang dan berdepan dengan ekspektasi tinggi pihak berkepentingan dan pelanggan. Ini mendorong JPBD Negeri Selangor untuk bertindak segera secara responsif, inovatif, kreatif dan holistik. Selain itu, fungsi dan peranan JPBD Negeri Selangor haruslah diperkasakan berdasarkan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di peringkat persekutuan, Negeri dan tempatan.

Sehubungan ini, enam (6) Teras Strategik dan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) telah digariskan bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan iaitu:-

- a. **TERAS STRATEGIK 1** : Mempertingkatkan keberkesanan perancangan dan pengurusan pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti.
  - KRA 1** : Pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti.
- TERAS STRATEGIK 2** : Memantapkan penyelidikan dan pembangunan bagi mempromosi amalan perancangan terbaik ke arah produk bertaraf dunia.
  - KRA 2** : Penyelidikan dan pembangunan ke arah produk bertaraf dunia.
- c. **TERAS STRATEGIK 3** : Mempertingkatkan pematuhan kepada perancangan pembangunan untuk memastikan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan.
  - KRA 3** : Pematuhan kepada perancangan pembangunan.
- d. **TERAS STRATEGIK 4** : Memperkasakan pengurusan maklumat guna tanah negara ke arah perancangan guna tanah yang berkesan dan sistematik.
  - KRA 4** : Memperkasakan maklumat guna tanah negara.

- e. **TERAS STRATEGIK 5** : Mempertingkatkan kerjasama strategik bagi memperkasakan peranan dan fungsi JPBD Negeri Selangor.
  - KRA 5** : Kerjasama strategik.
  
- f. **TERAS STRATEGIK 6** : Memantapkan pembangunan kapasiti organisasi ke arah melonjakkan kecekapan dan keberkesanan JPBD Negeri Selangor.
  - KRA 6** : Pembangunan kapasiti organisasi.

Pelan Strategik ini disokong dengan pelan tindakan yang menjelaskan strategi, program, petunjuk prestasi, sasaran dan pihak pelaksana. Kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini bergantung kepada struktur organisasi yang mantap, sumber manusia yang kompeten, sumber kewangan yang kukuh, penggunaan teknologi terkini, sokongan padu pihak pengurusan tertinggi, peruntukan perundangan dan dasar yang jelas, penerapan budaya kerja cemerlang, sistem dan prosedur kerja yang sistematik serta kesediaan maklumat yang komprehensif, tepat dan terkini.

Selain itu, mekanisme pemantauan dan pelaksanaan turut dikenal pasti bagi menilai pencapaian dan keberkesanan Pelan Strategik ini mengikut tempoh yang ditetapkan. Pelan Strategik ini juga merupakan *The Way Forward* JPBD Negeri Selangor ke arah mencapai gagasan dan wawasan sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang perancangan bandar dan desa.



# PENGENALAN

Penyediaan Pelan Strategik Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor 2013-2020 merupakan perincian di peringkat Jabatan berdasarkan Pelan Strategik Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 2012-2013 yang telah dilancarkan pada tahun 2012. Pelan strategik ini memberi hala tuju Jabatan JPBD Negeri Selangor yang jelas dan sebagai panduan warga Jabatan untuk merealisasikan visinya iaitu untuk **'Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan Menjelang 2020'**.

Dokumen yang dirangka untuk tempoh tujuh (7) tahun ini menetapkan suatu anjakan peranan JPBD Negeri Selangor dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan dasar transformasi Kerajaan. Pelan ini juga merupakan dokumen perancangan strategik untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

Bagi tujuan pelaksanaan, pelan strategik ini disokong dengan pelan tindakan yang menjelaskan strategi, program, petunjuk prestasi, sasaran dan pihak pelaksana bagi memastikan pelaksanaannya tersusun dan terancang.

## LATARBELAKANGJABATAN

Pada **tahun 1958**, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah ditubuhkan sebagai **Pejabat Perancang Bandar dan Kampung** yang merupakan sebahagian daripada Perancang Bandar dan Kampung Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Pada awalnya Pejabat ini ditempatkan bersama Ibu Pejabat Perancang Bandar dan Kampung di Damansara, Kuala Lumpur.

Pegawai Perancang Bandar dan Kampung Negeri Selangor yang pertama ialah Encik W. Fairbank yang juga pegawai kepada Jabatan Perancang Bandar dan Kampung Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. **Pejabat Perancang Bandar dan Kampung Negeri Selangor** diwujudkan pada **1 September 1960**.

Pada **tahun 1970**, Pejabat ini telah **berpindah ke Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di Jalan Raja**, walau bagaimanapun disebabkan oleh masalah luas ruang lantai dan banjir yang melanda Kuala Lumpur pada tahun 1971, pejabat ini **dipindahkan ke Jalan Spooner** pada **tahun 1975**.

Pada **Mei 1978**, Pejabat Perancang Bandar dan Kampung Negeri Selangor **dipindahkan ke Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor** di Shah Alam. Jumlah kakitangan Jabatan pada ketika itu adalah seramai 54 orang.

Pada bulan **Disember 1982**, Jabatan ini telah **berpindah ke Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam**. Pada **tahun 1986** Jabatan Perancang Bandar dan Kampung Negeri Selangor telah ditukar namanya kepada **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor**. Selepas 20 tahun beroperasi di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah

Alam, Jabatan sekali lagi **berpindah ke tingkat 15 hingga 18, Bangunan Darul Ehsan, Shah Alam** pada **Mei 2002** dan kekal sehingga kini.

Pada **tahun 2005**, Jabatan beroperasi mengikut empat bahagian iaitu **Bahagian Pengawalan Perancangan, Bahagian Rancangan Pembangunan, Bahagian Perancangan Korporat** dan **Bahagian Pentadbiran dan Kewangan** berbanding hanya dua bahagian sebelum tahun 1995 iaitu Bahagian Teknikal dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.



Rajah kronologi






# CARTA ORGANISASI

Struktur organisasi Jabatan terus diperkukuhkan hasil daripada penstrukturan semula perjawatan yang melibatkan bahagian teknikal dan pengurusan. Pada tahun 2013, JPBD Selangor telah dapat mengisi sebanyak 105 jawatan daripada 107 jawatan yang diluluskan mengikut waran perjawatan.

Struktur organisasi Jabatan telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian Rancangan Pembangunan (BRP), Bahagian Pengawasan Perancangan (BPP), Bahagian Perancangan Korporat (BPK) dan Bahagian Pentadbiran & Kewangan (BP&K),



Rajah 3 : Carta Organisasi JPBD Negeri Selangor

# FUNGSI DAN PERANAN

Bagi melaksanakan objektif-objektif perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa di Negeri Selangor, Jabatan memainkan peranan melalui fungsi-fungsinya seperti berikut:

- i. Bertindak sebagai penasihat utama kepada Kerajaan Negeri tentang semua hal perancangan, termasuk pemeliharaan, penggunaan dan pembangunan tanah;
- ii. Bertindak sebagai penasihat kepada pihak berkuasa tempatan mengenai perancangan bandar dan desa, pemajuan dan penggunaan tanah;
- iii. Melaksana dan menyelaras penyeragaman pelaksanaan sepenuhnya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di semua pihak berkuasa perancang tempatan di Negeri Selangor;
- iv. Melaksana dan menyelaras penyediaan Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas serta kajian /projek khas sama ada yang diarahkan atau atas inisiatif Jabatan.
- v. Bertindak sebagai urusetia bagi Jawatankuasa Perancang Negeri yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- vi. Melaksanakan penyeragaman pemakaian kaedah-kaedah, piawaian dan garis panduan perancangan bagi semua pihak berkuasa perancang tempatan di Negeri Selangor;
- vii. Menjalankan fungsi Urusetia Lembaga Rayuan;
- viii. Memberi khidmat nasihat kepada jabatan/agensi lain mengenai perancang bandar dan desa; dan
- ix. Menyelaras dan memberi ulasan teknikal kepada semua Unit Pusat Setempat di Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Selangor.

Terdapat empat fungsi utama yang dijalankan oleh setiap bahagian di dalam JPBD Negeri Selangor iaitu:

## 1

### FUNGSI BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN

- i. Menyediakan RSN mengikut Seksyen 8 hingga Seksyen 11, Akta 172;
- ii. Menyediakan dan menyelaras penyediaan RT mengikut Seksyen 12 hingga Seksyen 15;
- iii. Menyediakan dan menyelaras penyediaan RKK mengikut Seksyen 16B, Akta 172;
- iv. Menyemak dan memberi ulasan terhadap RT, RKK yang disediakan oleh PBT serta kajian-kajian perancangan atau yang berkaitan supaya selaras dengan RFN dan RSN;
- v. Menjalankan kajian-kajian perancangan bukan statutori yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- vi. Memantau dan menyelaras pelaksanaan RFN2, RSN, RT dan RKK yang telah disediakan;
- vii. Membina dan melaksana Sistem Maklumat Perancangan Negeri Selangor (SISMAPS)
- viii. Menggunakan sistem GIS bagi penyediaan dan pelaksanaan RFN dan RSN serta memastikan RT dan RKK yang disediakan adalah selaras dengan pangkalan GIS Jabatan;

## 2

**FUNGSI BAHAGIAN PENGAWALAN PERANCANGAN**

- i. Menerima, memproses dan mengemukakan ulasan-ulasan ke atas semua permohonan berikut:
  - a. Permohonan ulasan perancangan dari PBT
  - b. Permohonan ulasan pecah sempadan/pecah bahagian/cantuman tanah dari PTD
  - c. Permohonan ubahsyarat tanah dari PTD
  - d. Permohonan tanah kerajaan dan lesen menduduki sementara, permit bahan batuan dari PTD
  - e. Menyediakan maklumbalas bertulis untuk permohonan EIA dan kajian perancangan berkaitan dari agensi kerajaan
  - f. Menyediakan maklumat perancangan dan pampasan daripada Pejabat Tanah/Jabatan Penilaian/JKPTG.
- ii. Menyediakan maklumbalas kepada Kerajaan Negeri berhubung dengan perancangan dan pembangunan tanah melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan mesyuarat berkaitan.

## 3

**FUNGSI BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT**

- i. Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor yang ditubuhkan di bawah Sek. 4 Akta 172;
- ii. Menyelaras permohonan projek pembangunan di bawah Seksyen 22 (2A), Akta 172 untuk dibawa ke Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN);
- iii. Menyelaras pemakaian garis panduan oleh semua PBT di Negeri Selangor;
- iv. Menyelaras pelaksanaan Akta 172 oleh semua PBT dalam Negeri Selangor;
- v. Urusetia Persidangan dan perbincangan kes Lembaga Rayuan;
- vi. Melaksana dan menyelaras program pembangunan mampan di Negeri Selangor;
- vii. Mempromosikan perkhidmatan perancangan bandar dan desa kepada agensi kerajaan, swasta, badan-badan bukan kerajaan dan orang awam melalui penyediaan risalah, poster, laporan tahunan dan lain-lain; dan
- viii. Menyelaras pengurusan kualiti Jabatan meliputi bidang latihan, pengurusan pelanggan dan MS ISO Jabatan.

# 4

## FUNGSI BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- i. Memberi perkhidmatan sokongan kepada bahagian-bahagian teknikal dalam hal-hal yang berkaitan dengan kewangan, perkhidmatan, persuratan dan pentadbiran;
- ii. Melaksanakan pengurusan pentadbiran dan pengurusan kewangan yang efisien dan berkesan selaras dengan dasar kerajaan;
- iii. Melaksanakan kutipan hasil yang sistematik bagi penjualan laporan/maklumat/pelan/borang dan lain-lain.
- iv. Menjalankan tugas-tugas perolehan serta pengurusan harta modal peralatan pejabat bagi seluruh Jabatan;
- v. Menjalankan pemantauan Sistem Pengurusan Kewangan Berkomputer yang digunapakai oleh Perbendaharaan Negeri Selangor;
- vi. Membantu dalam tugas-tugas pengkeranian bagi ketiga-tiga Bahagian Teknikal; dan
- vii. Melaksanakan arahan-arahan perkhidmatan awam melalui pelaksanaan pekeliling-pekeliling perkhidmatan awam dan perbendaharaan negeri serta negara.

# PUNCAKUASA

Punca kuasa perundangan bagi aktiviti perancangan bandar dan desa adalah daripada Akta 172 yang diletakkan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sejak penerimapaakaiannya, Akta 172 telah dipinda sebanyak empat (4) kali iaitu:

## 1. Pindaan Pertama pada 1993 (Akta A866)

Bertujuan untuk memastikan peruntukan Akta Perkhidmatan Pembentungan 1993 (Akta 508) diambil kira semasa Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) menimbang sesuatu permohonan kebenaran merancang;

## 2. Pindaan Kedua pada 1995 (Akta A933)

Melibatkan pemeliharaan alam sekitar dan warisan. Antara peruntukan utama dalam Akta A933 adalah keperluan bagi penyediaan laporan cadangan pemajuan (LCP), pemeliharaan pokok, pemeliharaan keadaan asal topografi tanah dan perlindungan bangunan sejarah dan senibina;

## 3. Pindaan Ketiga pada tahun 2001 (Akta A1129)

Bertujuan untuk memperkukuhkan perkhidmatan perancangan bandar dan desa melalui perseimbangan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Antara peruntukan utama dalam Akta A1129 adalah penubuhan Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN), penyediaan Rancangan Fizikal Negara (RFN), penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW) dan penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK); dan

## 4. Pindaan Keempat pada tahun 2007 (Akta A1313)

Memasukkan peruntukan berhubung pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam. Tujuan pindaan subseksyen 22(2) Akta 172 adalah untuk membolehkan PBPT mengambil kira peruntukan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang telah diluluskan pada 30 Ogos 2007 semasa menguruskan sesuatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran merancang.

Selain daripada Perlembagaan Persekutuan dan Akta 172, peranan dan fungsi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor terus diperkukuhkan lagi selaras dengan pelaksanaan akta-akta utama berikut:

## 1. AKTA-AKTA UTAMA

- i. Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486);
- ii. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56);
- iii. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127);
- iv. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- v. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- vi. Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318);
- vii. Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538);
- viii. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645);
- ix. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672);

Selain daripada akta utama di atas terdapat juga akta-akta lain, kaedah-kaedah, enakmen, dasar-dasar, garis panduan dan arahan-arahan yang dirujuk untuk aktiviti perancangan bandar dan desa antaranya:-

#### 1. **AKTA-AKTA LAIN**

- i. Akta Kawasan Pengairan 1953 (Akta 386);
- ii. Akta Pembangunan Tanah 1956 (Akta 474);
- iii. Akta Jalan Persekutuan 1959 (Akta 376);
- iv. Akta Pemuliharaan Tanah 1960 (Akta 385);
- v. Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76);
- vi. Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313);
- vii. Akta Perikanan 1985 (Akta 317);
- viii. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);
- ix. Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446);
- x. Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447);
- xi. Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506);
- xii. Akta Perkhidmatan Pembentungan 1993 (Akta 508);
- xiii. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555); dan o. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

#### 2. **KAEDAH-KAEDAH DAN ENAKMEN YANG DITERIMAPAKAI**

- i. Draf Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit).
- ii. Draf Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah dan Bangunan Yang Mempunyai Kepentingan Sejarah atau Seni Bina).
- iii. Draf Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am). (Termasuk Fi Kebenaran Merancang)
- iv. Draf Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Pesisiran Pantai).
- v. Draf Kaedah-Kaedah Rancangan Kawasan Khas.
- vi. Draf Panduan Pelaksanaan Akta 172 : Lembaga Rayuan.
- vii. Draf Kaedah Kawasan Pemajuan

#### 3. **DASAR DAN RANCANGAN PEMAJUAN**

- i. Dasar Perbandaran Negara (DPN);
- ii. Dasar Teknologi Hijau;
- iii. Rancangan Fizikal Negara ke-2 (RFN ke-2); dan
- iv. Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang diwartakan.

#### 4. **GARIS PANDUAN**

- i. Garis panduan perancangan (GPP);
- ii. Manual dan piawaian perancangan; dan
- iii. Panduan pelaksanaan.

#### 5. **ARAHAN/PEKELILING/SURAT PERBENDAHARAAN**


- i. Surat Pekeliling Perkhidmatan;
- ii. Surat Pekeliling Perbendaharaan;
- iii. Surat Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam;

- iv. Pekeliling Perkhidmatan;
- v. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam;
- vi. Arahan Perkhidmatan; dan
- vii. Arahan Perbendaharaan.



# PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN

Berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan dan juga Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), pihak berkepentingan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor adalah **Kerajaan Persekutuan** dan **Kerajaan Negeri**.



# ISUDAN CABARAN JPBD SELANGOR

Pembentukan kerangka hala tuju strategik yang jelas perlu berdasarkan kepada analisis persekitaran dalaman dan luaran. Ini merangkumi pengenalpastian kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam usaha memenuhi permintaan dan menghadapi perubahan sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ini selaras dengan Misi Nasional 2006-2020 yang telah mengenalpasti 5 Teras Utama

1. Meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai yang lebih tinggi;
2. Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama;
3. Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan;
4. **Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup;** dan
5. Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.



**Rajah 4 : Teras Misi Nasional**

Perkhidmatan perancangan bandar dan desa mendokong secara langsung **Teras 4 Misi Nasional**. Walau bagaimanapun perkhidmatan ini menyumbang secara tidak langsung kepada 4 teras yang lain.

## ISU STRATEGIK

Antara isu strategik yang perlu diberi perhatian dalam tempoh Pelan Strategik mengikut bidang tugas utama adalah seperti berikut:-

# 1

### Pematuhan Kepada Perancangan

Terdapat projek pembangunan yang dilaksanakan tidak mematuhi perancangan yang telah ditetapkan. Ketidakpatuhan ini disebabkan oleh kurang kefahaman di kalangan agensi pelaksana ke atas rancangan-rancangan pembangunan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan dan pelanggan dalam perancangan yang masih rendah. Isu ini dapat diatasi dengan :

- a. Memudahkan pelaksanaan pembangunan supaya selaras dengan perancangan melalui penyediaan mekanisme pelaksanaan, *Standard Operating Procedure (SOP)*, garis panduan, kaedah-kaedah dan lain-lain;
- b. Meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan dan pelanggan dalam semua peringkat perancangan; dan
- c. Memperkukuhkan peranan Pengarah melalui peruntukan Akta 172 berkaitan pelaksanaan dan pemantauan rancangan pemajuan.

### Keberkesanan Perancangan dan Pengurusan Pembangunan Guna Tanah

Keberkesanan perancangan dan pengurusan pembangunan guna tanah amat bergantung kepada sejauh mana dokumen perancangan dijadikan rujukan dan asas dalam aktiviti kawalan dan pelaksanaan pembangunan. Pada hakikatnya, amalan semasa memberi gambaran seolah-olah pembangunan dilakukan secara runcit dan tidak berpandukan kepada dokumen perancangan yang disediakan. Ini adalah kerana ketiadaan *sense of ownership* ke atas dokumen perancangan di kalangan agensi pelaksana terutamanya di peringkat tempatan. Oleh itu, JPBD Negeri Selangor memainkan peranan penting untuk meyakinkan agensi pelaksana dan pihak berkepentingan bahawa penglibatan mereka dalam merangka dan melaksanakan semua program aktiviti yang dirancang dalam dokumen tersebut menjadi tanggungjawab bersama. JPBD Negeri Selangor perlu meningkatkan usaha memudahkan pelaksanaan perancangan pembangunan untuk menjamin keberkesanan pembangunan yang terancang dan sistematik seperti yang telah diwartakan. Dalam usaha memudahkan ini, langkah-langkah berikut diambilkira :-

# 2

- a. Penyediaan dokumen yang mudah difahami dan mesra pengguna dalam format yang lebih ringkas dan ilustrasi yang jelas;
- b. Mengkaji semula kesesuaian pendekatan penyediaan rancangan pemajuan selari dengan keperluan *Outcome Based Budgeting (OBB)* seperti pelan penggantian dan perubahan; dan
- c. Memperkasakan peranan Pengarah dalam menyelaras, memberi penerangan dan memudahkan pembangunan dalam penterjemahan rancangan pemajuan bagi tujuan pelaksanaan.

## 3

**Ketersediaan, Ketepatan dan Pengurusan Maklumat Guna Tanah**

Maklumat guna tanah merupakan pra syarat dan keperluan di dalam semua aktiviti perancangan. Selama ini, aktiviti perancangan banyak bergantung kepada data guna tanah daripada sumber sekunder yang tidak dikemaskini secara berterusan. Ini menyumbang kepada ketidak tepatan dalam membuat unjuran serta pembentukan polisi dan strategi perancangan. Oleh itu, langkah segera perlu diambil bagi memastikan maklumat guna tanah yang lengkap dan dikemaskini untuk kegunaan terus pelanggan bagi menjamin perancangan yang lebih realistik dan praktikal. Selain itu, suatu sistem pangkalan data yang dinamik dan responsif hendaklah diwujudkan dengan disokong oleh kepakaran teknologi dan sumber kewangan yang mencukupi.

**Pengurusan Pembangunan Kapasiti Yang Sistematik, Cepak dan Berkesan**

Kelemahan dalam pengurusan pembangunan kapasiti sesuatu organisasi menyebabkan pengurusan yang kurang cekap dan berkesan. Sumber kewangan yang terhad, ruang pejabat yang kurang kondusif, kekurangan penggunaan teknologi terkini, jurang kompetensi dalam kepakaran tertentu, pengaliran keluar tenaga pakar, kesegeraan pengisian jawatan, kekurangan pegawai yang berpengalaman dan prospek kerjaya yang terhad menyumbang kepada kelemahan/prestasi pengurusan pembangunan kapasiti.

## 4

Bagi melonjakkan kecekapan dan keberkesanan organisasi, JPBD Negeri Selangor perlu mengambil langkah dengan meningkatkan pengurusan sumber manusia melalui peningkatan pengetahuan, kemahiran, latihan dan pendedahan serta penempatan pegawai yang bersesuaian. JPBD Negeri Selangor perlu memastikan sumber kewangan yang mencukupi dan menitikberatkan pembangunan kerjaya bagi semua lapisan pegawai.

## 5

**Perkongsian Pintar**

Penghayatan dan kerjasama dengan pihak berkepentingan dan pelanggan dalam penyediaan dan pemantauan pelaksanaan bidang utama masih perlu dipertingkatkan bagi menjamin keberkesanan produk JPBD Negeri Selangor. Antara langkah yang boleh diambil untuk mengatasi isu ini adalah dengan meningkatkan jaringan kerjasama dengan pihak berkepentingan dan pelanggan melalui program hebahan dan promosi serta rundingan yang lebih sistematik, cekap dan berkesan. Kerjasama ini diharap dapat melancarkan program pembangunan ke arah meningkatkan daya saing dan pembangunan ekonomi negara.

## CABARAN-CABARAN

Perubahan persekitaran dan ketidaktentuan pada masa hadapan yang sukar diramal memberikan cabaran kepada JPBD Negeri Selangor dalam mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Antara cabaran-cabaran tersebut adalah seperti berikut:-

### 1 Pelaksanaan Agenda Transformasi Nasional

Kerajaan telah memperkenalkan agenda Transformasi Nasional di mana menekankan keberhasilan yang mengutamakan rakyat serta meningkatkan pembangunan ekonomi negara dengan gagasan 1Malaysia ke arah mencapai wawasan 2020. Program-program penting yang terangkum dalam agenda tersebut adalah Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Kejayaan program dalam agenda transformasi tersebut amat bergantung kepada komitmen semua agensi kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan yang cekap, telus, berkualiti dan pantas serta mesra pelanggan. Ini memerlukan pengukuhan tadbir urus dan integriti yang melibatkan pengubahsuaian sistem dan prosedur kerja serta mengoptimalkan sumber kewangan, kepakaran sumber manusia dan teknologi.



Sumber: Unit Pengurusan Prestasi (PEMANDU), JPM, 2010

Rajah 5 : Agenda Transformasi Nasional

## Cabaran Globalisasi

Era globalisasi merupakan satu era yang amat kompetitif di mana perkembangan pembangunan berlaku dengan pantas tanpa mengira sempadan. Ini melibatkan pengaliran keluar masuk sumber manusia, pelaburan, maklumat dan teknologi yang mengutamakan pengwujudan persekitaran perbandaran yang berkualiti dan dapat memenuhi ekspektasi komuniti dan para pelabur. Untuk menjadikan wilayah perbandaran di Malaysia dapat bersaing setanding dengan bandar-bandar di wilayah serantau dan di dunia amnya, pembangunan perbandaran di Malaysia hendaklah sensitif terhadap perubahan yang pesat dan persekitaran yang menarik hendaklah diwujudkan. Usaha ini memerlukan komitmen yang berterusan agar ianya dapat ditangani secara berkesan dan holistik.

### Perkembangan dan Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemajuan bidang teknologi maklumat dan komunikasi telah membolehkan pelbagai maklumat disalurkan dan diperolehi tanpa sempadan. Perkembangannya telah mempengaruhi cara manusia bekerja, kualiti kerja, kos, masa dan tenaga. JPBD Negeri Selangor perlu sentiasa peka dengan kepesatan pembangunan semasa dan bersedia untuk memperbaiki produktiviti dan sistem penyampaian secara keseluruhan dan pengisian pengetahuan warga kerja JPBD Negeri Selangor selari dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Warga kerja yang lebih komited dan kreatif diperlukan dalam mencari pendekatan baru bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka agar sentiasa relevan dan kompeten. Pada masa yang sama ianya mampu memberikan nilai tambah dari segi peningkatan kemahiran secara *multi-skill* dan berupaya untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Secara tidak langsung, ini mewujudkan peluang penambahbaikan dalam sistem penyampaian JPBD Negeri Selangor agar lebih lancar, cekap, telus serta dapat memenuhi ekspektasi pihak berkepentingan dan pelanggan.

### Pembangunan Mampan dan Penyertaan Awam

Kerajaan Malaysia telah menunjukkan komitmennya terhadap pembangunan mampan dengan menandatangani Perjanjian Rio 1992. Selaras dengan komitmen ini, arah tuju pembangunan negara menekankan aspek keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pemuliharaan alam sekitar. Segala bentuk perancangan yang dijalankan hendaklah tidak menumpukan kepada pembangunan infrastruktur dan penyediaan kemudahan semata-mata tetapi perlulah menitikberatkan aspek pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar serta mengutamakan penglibatan masyarakat dalam semua peringkat perancangan dan pembangunan. Penyertaan awam merupakan salah satu aspek penting yang diberi penekanan pada masa kini oleh kerajaan dalam semua proses perancangan dan pembangunan. Penyertaan awam telah menjadi amalan sejak awal perancangan dan kini ianya perlu dipergiatkan bagi meningkatkan keberkesanan projek dalam memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat yang semakin meningkat.

## 5 Peningkatan Ekspektasi Pihak Berkepentingan dan Pelanggan

Sebagai sebuah organisasi yang terunggul dalam bidang perancangan bandar dan desa, JPBD Negeri Selangor perlu sentiasa peka terhadap perubahan, keperluan dan memahami kehendak sebenar pihak berkepentingan dan pelanggan. JPBD Negeri Selangor perlu membuat penambahbaikan, mengkaji dan mencari kaedah terbaik secara berterusan untuk memenuhi keperluan tersebut memandangkan golongan sasaran ini semakin berpengetahuan dan bermaklumat dalam mendapatkan kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Mereka terdiri daripada golongan yang bukan mudah menerima apa sahaja perkhidmatan yang disediakan dan perlu diberi penjelasan serta diyakinkan tentang apa juga keputusan dan tindakan yang diambil. Sehubungan itu, seluruh warga JPBD Negeri Selangor perlu meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan bersikap positif bagi memperkukuhkan peranan JPBD Negeri Selangor sebagai salah satu entiti yang berada di barisan hadapan dalam memberikan sistem penyampaian yang terbaik.

## Kadar Perbandaran Yang Pesat


Negara telah dan sedang mengalami kadar perbandaran yang pesat sejak 2 dekad yang lalu. Pada tahun 2020, kadar perbandaran dijangka meningkat kepada 75 peratus. Peningkatan tersebut akan membawa kepada pembukaan kawasan-kawasan baru untuk memenuhi keperluan perumahan, kemudahan awam, perniagaan dan gunatanah bandar yang baik yang menjurus kepada berlakunya fenomena rebakan bandar yang berleluasa. Perkembangan pembangunan perbandaran telah melampaui had-had pembangunan bandar semasa sehingga melangkai kawasan sensitif alam sekitar, kawasan pertanian utama, dan lain-lain kawasan yang tidak sesuai untuk pembangunan. Kadar perbandaran yang pesat ini juga akan meningkatkan isu-isu sosial seperti kemiskinan bandar dan jenayah. Ini sekaligus memberi cabaran kepada perkhidmatan perancangan bandar dan desa dalam memastikan perancangan pembangunan dilaksanakan secara sistematik, terkawal dan bersepadu dalam menangani isu-isu sosial dan fizikal supaya tidak menjejaskan kualiti hidup dan persekitaran.

## 7 Pengurusan Kewangan dalam Kekangan Ekonomi

Perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti perlu berasaskan peruntukkan kewangan. Memandangkan kekangan ekonomi dan agihan peruntukkan kewangan semasa adalah terhad, adalah menjadi suatu cabaran kepada JPBD Negeri Selangor untuk kekal cekap, mapan dan berkesan dalam menyampaikan perkhidmatan. Oleh itu, pengurusan kewangan harus disesuaikan dengan sumber yang ada dan mengutamakan program dan aktiviti yang memberi impak secara langsung kepada pencapaian keberhasilan utama negeri dan rakyat.

## VISI, MISI, MOTTO





Rajah 6 : Visi, Misi dan Motto JPBD Negeri Selangor

# NILAI-NILAI TERAS


Nilai-nilai teras yang diterapkan di kalangan warga JPBD Negeri Selangor iaitu :



Rajah 7 : Enam nilai-nilai teras

# NILAI-NILAI BERSAMA

Warga JPBD Negeri Selangor menghayati dan mengamalkan nilai-nilai bersama budaya kerja **10K** iaitu :



Rajah 8 : 10 nilai-nilai bersama

# ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Dalam mencapai teras strategik JPBD Negeri Selangor, 6 faktor penting penentu kejayaan turut mempengaruhi strategi dan tindakan yang telah ditetapkan iaitu:

# 1

## Sokongan Padu Pihak Pengurusan Tertinggi dan Semua Lapisan Pegawai

Dalam menentukan kejayaan Pelan Strategik ini, sokongan padu pihak pengurusan tertinggi Jabatan dan kerjasama semua lapisan pegawai adalah sangat penting. Pengurusan tertinggi Jabatan perlulah komited dan tegas bagi memastikan strategi dan program yang digariskan dapat dilaksanakan mengikut masa dan petunjuk prestasi yang disasarkan.

## Peruntukan Kewangan Yang Mencukupi

Peruntukan kewangan yang mencukupi dan berterusan dapat menyokong proses penghasilan dan penyampaian perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang berkualiti. Justeru itu, Jabatan perlu menyediakan perancangan belanjawan mengurus dan pembangunan yang teliti dengan justifikasi yang kukuh. Peruntukan yang mencukupi dan kepentingan mengikut *value for money* menjadi pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan perancangan bandar yang responsif, cepat dan kos efektif.

# 2

# 3

## Sokongan Pihak Berkepentingan (Stakeholders)

Keyakinan dan kepercayaan dari pihak berkepentingan dalam menyokong semua program dan strategi yang dirangka akan memastikan pencapaian pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan.

## Ketersediaan

Dalam menentu kejayaan, ketersediaan minda dan perlakuan warga, persekitaran kerja, infrastruktur serta teknologi memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kelancaran pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan.

# 4

# 5

## Pembudayaan Inovasi dan Kreativiti

Usaha-usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti serta transformasi corak pemikiran di luar kelaziman atau di luar kotak adalah penting untuk membantu jabatan meningkatkan sistem penyampaian yang lebih berkesan bagi memenuhi kehendak pihak berkepentingan dan pelanggan yang semakin meningkat.

## Budaya Kerja Cemerlang

Warga Jabatan yang membudayakan etika kerja yang cemerlang merupakan elemen penting di dalam menentukan kejayaan ke arah mencapai objektif strategi yang disasarkan. Budaya kerja 10K yang digariskan oleh Jabatan adalah merupakan faktor utama di dalam menentukan kejayaan Pelan Strategik Jabatan menjelang tahun 2020.

# 6

# MEKANISMEPELAKSANAAN

Dalam mengerakkan Pelan Strategik yang telah digubal ini, Mekanisme Pelaksanaannya akan menekankan kepada beberapa perkara berikut:-

## 1. Pewujudan Struktur Pemantauan Pelaksanaan Pelan Strategik

Melebar luas fungsi Jawatankuasa Pengurusan (JP) dan disokong oleh Pasukan Petugas sedia ada yang diwakili oleh *desk officer* daripada semua bahagian.

## 2. Keahlian Ahli Jawatankuasa

Keahlian JP adalah terdiri daripada:-

- *Pengerusi* - Pengarah
- *Keahlian* - Timbalan pengarah  
Ketua bahagian  
Wakil setiap bahagian  
Urusetia : Bahagian Korporat, JPBD

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelarar utama dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik JPBD Negeri Selangor berdasarkan pengukuran dan pelan tindakan yang telah ditetapkan.

## 3. Kaedah Pelaporan

Pelaporan bagi kemajuan pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan adalah :

- i. Penyediaan Laporan Analisis Pencapaian oleh Pasukan Petugas setiap Januari tahun berikutnya.
- ii. Pelaporan kepada Mesyuarat Perancangan Korporat JPBD Negeri Selangor (RKJ)
- iii. Pelaporan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan (JP) pada setiap Mac setiap tahun (Januari – Disember)

## 4. Pelaksanaan kajian semula pelan

Pelaksanaan Pelan Strategik ini perlu dibuat setiap 5 tahun selaras dengan Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Selepas tempoh pelaksanaan Pelan Strategik yang berakhir pada tahun 2020, peranan JPBD Negeri Selangor akan lebih menyerlah untuk mencapai gagasan dan wawasan sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang perancangan bandar dan desa ke tahap seperti berikut:-

### **1. Agensi Terunggul Dalam Bidang Perancangan Bandar dan Desa**

Menjadi agensi yang terunggul di Negeri Selangor dalam bidang perancangan bandar dan desa melalui pelaksanaan, pemantauan pematuhan rancangan pembangunan serta pemantapan maklumat gunatanah yang komprehensif, sistematik dan inovatif ke arah kesejahteraan komuniti.

### **2. Perancangan Korporat Yang Berkualiti**

Dengan adanya perancangan korporat yang berkualiti, diharapkan agar Jabatan dapat menerajui perubahan dan inovasi ke arah perancangan fizikal yang terbaik.

### **3. Responsif Kepada Perubahan**

Persekitaran negeri kini terdedah kepada perubahan-perubahan yang mendadak disebabkan oleh faktor global. Di dalam hal ini, Rancangan Korporat Jabatan akan sentiasa responsif kepada perubahan melalui semakan-semakan secara berkala.

### **4. Mudah Lentur**

Mudah lentur merupakan elemen penting di masa hadapan disebabkan oleh perubahan-perubahan yang berlaku dengan kerap dan mendadak.

# PENUTUP

Tunjang kepada pembangunan negara adalah berteraskan kepada empat tonggak utama iaitu Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan; Program Transformasi Kerajaan; Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Di dalam menjayakan misi dan visi nasional ini, usaha dan perancangan pembangunan, pemerksaan organisasi adalah mendokong utama kepada kejayaannya.

Rancangan Strategik Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor 2013 – 2020 juga menyediakan kerangka kerja dan program kerja berasaskan kepada sumberjaya dalaman dan luaran. Di dalam merealisasikan matlamat strategik di dalam Rancangan Strategik Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor 2013 – 2020 maka pemantauan berkala dan indikator yang mudah lentur dan responsif kepada perubahan menjadi kayu pengukur kepada kejayaan Jabatan dan pada masa yang sama menjadi sasaran operasi Jabatan.